

Nilai hartanah Putra Heights berpotensi pulih

Kuala Lumpur: Nilai hartanah di Putra Heights berpotensi untuk meningkat semula sekiranya terdapat langkah pemulihan dan strategi pembangunan dijalankan oleh pihak berkaitan.

Pakar hartanah berpendapat sekiranya usaha pemulihan dilaksanakan dengan pantas, termasuk pembersihan kawasan, siasatan bebas, pembaikan infrastruktur dan jaminan keselamatan, nilai hartanah di Putra Heights berupaya menunjukkan tren pemulihan.

Pengarah Harta Tanah di Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Madya Dr Muhammad Najib Mohamed Razali, berkata kawasan itu mempunyai jaringan ke lebuh raya utama seperti Lebuh raya Shah Alam (KE-SAS) dan Lebuh raya ELITE, ke-

mudahan pengangkutan awam serta struktur pembangunan kediaman dan komersial sedia ada turut berupaya menjadi pemangkin kepada proses pemulihan nilai hartanah.

"Sekiranya Putra Heights dapat berge-rak dari fasa kemerosotan ke fasa pembaruan melalui pelaburan semula dalam infrastruktur dan keselamatan, nilai hartanah boleh meningkat semula," katanya kepada *BH*, semalam.

Tragedi di Putra Heights pada 1 April lalu menggemparkan negara apabila saluran gas milik PETRONAS meletup seterusnya menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan su-

hu mencecah 1,000 darjah Celsius sekaligus mengubah landskap kawasan itu kepada sebuah kawasan besar pada kedalaman 32 kaki.



Muhammad Najib

Kejadian yang berlaku pada hari kedua Aidilfitri itu turut memusnahkan deretan kediaman dan harta benda dalam lingkungan radius 500 meter dari kawasan kebakaran.

Lebih 200 rumah berdekatan kawasan kejadian dilaporkan mengalami kerosakan fizikal sementara ada daripadanya

retak teruk sehingga tidak selamat untuk didiami.

Mengulas lanjut pemulihan kawasan kejadian, Muhammad Na-

jib berkata, ini sudah dibuktikan dengan kes depot minyak Buncfield, United Kingdom pada 2005, nilai hartanah di Hemel Hempstead merosot secara signifikan, namun dengan pelan pemulihan bersepadu dan kedudukan strategik berhampiran London, pasaran hartanah kembali pulih dalam beberapa tahun.

"Sebaliknya, ada juga kejadian yang nilai hartanahnya tidak kembali pulih. Contohnya kejadian di pelabuhan Beirut (2020) yang menjejaskan sektor hartanah secara meluas, dengan faktor tambahan seperti ketidakstabilan politik dan kelemahan institusi pula menyebabkan penurunan nilai hartanah yang lebih berpanjangan," katanya.

Menurut laporan pasaran hartanah, sebelum kejadian, harga transaksi kediaman di Putra He-

ights bernilai antara RM800,000 hingga melebihi RM1 juta.

Sementara itu, Ketua Pengajian Pascasiswazah di Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Sr Dr Rohayu Ab Majid, berkata pihak berkaitan perlu memainkan fungsi untuk meningkatkan tahap keyakinan penduduk di kawasan berkenaan.

"Jika usaha baik pulih dijalankan sewajarnya dan penduduk mula yakin dengan tahap keselamatan lebih terjamin pada masa ini, tidak mustahil nilai harta tanah di kawasan ini akan sejajar dengan pasaran semasa.

"Cuma tahap keyakinan penduduk setempat perlu diberi penekanan dengan pelbagai usaha mantap dalam memastikan isu keselamatan berada pada nilai yang positif," katanya.